

PENGOLAHAN KOMPUTER DALAM PEMADARAN
KOPERASI DI SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH
DAERAH II

1980 1981 1982 1983 1984 1985 1986 1987 1988 1989 1990 1991 1992 1993 1994 1995 1996 1997 1998 1999 2000 2001 2002 2003 2004 2005 2006 2007 2008 2009 2010 2011 2012 2013 2014 2015 2016 2017 2018 2019 2020 2021 2022 2023 2024 2025

106494



106494

ABSTRAK

Kajian ini cuba melihat penggunaan komputer di dalam pentadbiran koperasi sekolah di daerah Muar. Didapati lebih 72 peratus koperasi sekolah di Muar telah ditubuhkan sejak 15 tahun yang lalu, tetapi kejayaan dan sumbangannya masih sedikit dan terhad. Penggunaan komputer dalam pentadbiran dan pengurusan sekolah semakin meluas, malangnya kemudahan itu masih belum dimanfaatkan dalam pentadbiran koperasi. Antara faktor yang menghalang penggunaan komputer di koperasi sekolah ialah ketidakmampuan koperasi memilikinya, kerana masalah modal yang kecil dan urusniaga yang terhad. Guru-guru koperasi pula masih kurang yang mempunyai kemahiran asas komputer, apatah lagi kemahiran dalam perisian perakaunan. Satu perisian yang bersepadu patut dikembangkan di kalangan guru-guru koperasi sekolah bagi memudahkan tugas mereka, sekalipun masalah pertukaran guru koperasi sering berlaku sepanjang tahun. Kepentingan penggunaan komputer dalam pentadbiran koperasi memang diakui, tetapi langkah berani ke arah itu mestilah dimulakan dari sekarang oleh pihak sekolah, lebih-lebih lagi oleh koperasi sendiri.

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Sekolah merupakan satu institusi masyarakat yang sangat penting dalam kehidupan kita. Para pelajar hari ini didedahkan dengan pelbagai jenis kurikulum di samping aktiviti kokurikulum yang luas. Para pelajar adalah golongan remaja yang merupakan kelompok strategis yang sudah mulai berperanan dalam kehidupan bermasyarakat dan dianggap telah mampu bertindak sebagai penggerak masyarakat. Berasaskan pendekatan inilah koperasi sekolah diperkenalkan, melalui pelopornya Profesor Diraja Ungku A. Aziz yang menubuhkan Koperasi Kedai Buku Universiti Malaya pada 29 Mei 1968.

Sejarah penubuhan koperasi di sekolah-sekolah menengah Malaysia bermula dalam tahun 1968 dengan tertubuhnya sembilan buah koperasi perintis. Di negeri Johor sahaja terdapat seramai 95,237 orang pelajar menjadi ahli koperasi sekolah dalam tahun 1994. Sementara itu daerah Muar mencatatkan keahlian sejumlah 32,160 orang pelajar dengan saham bernilai RM159,195.00.

Matlamat gerakan koperasi sekolah ialah untuk melatih dan mendedahkan para pelajar kepada kaedah perdagangan dan pengurusan kewangan. Pada umumnya keahlian koperasi sekolah terdiri daripada para pelajar, guru, kakitangan

dan sekolah itu sendiri. Pengetua sesebuah sekolah adalah pengerusi koperasi sekolahnya.

Perkara penting dan utama dalam pengurusan koperasi sekolah ialah menjalankan perniagaan termasuklah menyediakan buku-buku akaun dengan betul dan kemaskini. Selain dari tugas perniagaan dan projek ekonomi koperasi, ahli lembaga juga bertanggungjawab untuk mengendalikan projek sosial untuk ahli-ahlinya.

1.2 Kenyataan Masalah

Koperasi sekolah mempunyai pelbagai kelebihan dalam aktiviti ekonominya. Jawatan utama seperti pengerusi, setiausaha dan bendahari dipilih dari kalangan guru yang mempunyai pengetahuan dan pengalaman akademik yang memuaskan. Kegiatan koperasi pula bersifat monopoli di sesebuah sekolah di mana ia ditubuhkan.

Masalah pentadbiran dan pengurusan koperasi sekolah masih dianggap tidak beres oleh Jabatan Pembangunan Koperasi. Di Muar misalnya, Jabatan Pembangunan Koperasi melaporkan kepatuhan koperasi sekolah kepada Akta 502 dalam menyediakan minit mesyuarat dalam tempoh 30 hari hanya sekitar 35%, sementara kemampuan koperasi sekolah menyediakan akaun akhir setakat 50%, itu pun dengan bantuan klinik akaun yang diadakan dua kali setahun selepas berakhirnya tahun kewangan koperasi.

Hari ini penggunaan komputer di sekolah-sekolah menengah bukanlah sesuatu yang asing. Seseorang koperasi sekolah juga telah mampu memiliki komputer sendiri untuk tujuan melicinkan pentadbiran dan pengurusan. Oleh itu, kajian ini meninjau sejauh mana komputer telah dimanfaatkan oleh koperasi sekolah bagi tujuan pentadbiran dan mengapa pula terdapat koperasi yang tidak menggunakan kemudahan ini untuk memperbaiki kualiti pentadbiran, asas membuat keputusan dan membantu mengurangkan beban tugas guru koperasi.

Maktab Kerjasama Malaysia dan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) pula memang telah menyediakan kemudahan latihan komputer kepada ahli lembaga dan ahli-ahli koperasi di negara ini. Adakah program latihan ini tidak sampai kepada koperasi sekolah sehingga menyebabkan mereka tidak mengambil kesempatan dari arus perubahan teknologi dalam pengurusan koperasi. Atau ada faktor lain yang berkait dengan tugas rasmi mereka seperti beban tugas dan masalah birokrasi yang tidak mampu mereka atasi.

Berdasarkan kepada beberapa kelebihan dan kekuatan itu mungkin ada sesuatu yang tidak kena berlaku dalam pentadbiran koperasi sekolah sekalipun mempunyai tenaga pengurusan dengan latarbelakang akademik yang mencukupi tetapi kemajuan koperasi sekolah tetap kurang menonjol dan tidak meluas. Guru-guru koperasi pula seolah-olah gagal mengambil peluang menggunakan kelebihan penggunaan komputer dalam pentadbiran koperasi sekolah mereka.